

 <p>Perpustakaan Sultanah Bahiyah SULTANAH BAHYAH LIBRARY Universiti Utara Malaysia</p>	Diluluskan oleh	:	JPU Ke-305 Bil 10/2023 (15 November 2023)
	Tarikh kuat kuasa	:	1 Januari 2024
	No. Semakan	:	02

GARIS PANDUAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN JURNAL (SPYPJ)

Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Jurnal (SPYPJ) merupakan satu skim galakan dan penghargaan kepada staf akademik UUM dalam usaha meningkatkan statistik penerbitan artikel jurnal terutamanya dalam jurnal berindeks WoS™ Core Collection/SCOPUS. Syarat dan terma permohonan pembiayaan skim ini adalah seperti berikut:

1.0 SKOP PEMBIAYAAN

- a) Pembiayaan akan diberikan kepada penerbitan artikel dalam jurnal *WoS™ Core Collection /SCOPUS.
- b) Bagi jurnal yang diindeks oleh WoS™ Core Collection, ia mestilah diindeks oleh kedua-dua pangkalan data iaitu WoS™ Core Collection dan Scopus.
- c) Bagi jurnal yang diindeks WoS™ Core Collection/Scopus pembiayaan yuran maksimum adalah sehingga USD500.00 atau setara.
- d) Pembiayaan hanya untuk artikel jurnal yang mempunyai Quartile 1 – Quartile 3 (Q1-Q3) dalam WoS/Scopus sahaja.
- e) Skim ini hanya dibuka kepada pensyarah yang tidak mempunyai geran penyelidikan berkaitan dengan tajuk artikel.

* Web of Science (WoS)™ Core Collection merujuk kepada perkara berikut:

- a) *Science Citation Index Expanded(SCI-Expanded)*
- b) *Social Sciences Citation Index(SSCI)*
- c) *Art and Humanities Citation Index(A&HCI)*

2.0 SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

- a) Pemohon terdiri daripada ahli akademik Universiti Utara Malaysia yang berstatus **tetap** dan merupakan **correspondence author** untuk artikel yang berkenaan.
- b) Pemohonan skim ini adalah berdasarkan tuntutan (bayar dahulu, tuntutan kemudian).

- c) Tempoh permohonan skim ini adalah tertakluk kepada hasil penerbitan yang diterbitkan dalam tempoh dua belas (12) bulan sahaja dari tarikh permohonan dibuat.
- d) Semakan dan pengesahan penerbitan menggunakan quartile semasa sebagai dasar pembayaran yuran yang diindeks di dalam WoS dan Scopus. Jika artikel mempunyai disiplin kategori quartile berbeza, quartile yang tertinggi akan dipilih.
- e) Pembayaran akan dibuat berdasarkan artikel yang telah diindeks serta telah disahkan oleh pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM.
- f) Jumlah maksimum pembiayaan yuran penerbitan jurnal untuk setiap pemohon ialah sebanyak RM8,000.00 setahun dan jumlah tersebut adalah termasuk Skim Insentif Penerbitan.
- g) Pembayaran untuk skim ini adalah tertakluk kepada baki peruntukan dan kedudukan kewangan universiti.

3.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- a) Pemohon dikehendaki mengisi Borang Permohonan Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Jurnal (SPYPJ) (Borang SPYPJ/01).
- b) Pemohon dikehendaki melampirkan dokumen sokongan/perkara-perkara berikut:
 - i. Surat atau e-mel penerimaan artikel untuk diterbitkan dalam jurnal berkaitan.
 - ii. Bukti jurnal tersenarai di WoS™ Core Collection/SCOPUS.
 - iii. Resit bayaran yuran penerbitan jurnal.
 - iv. Satu salinan *hardcopy* artikel (jika ada)

4.0 ALIRAN PERMOHONAN

- a) Permohonan yang lengkap hendaklah diperakukan oleh Dekan Pusat Pengajian dan diluluskan Pustakawanserta dimajukan kepada Jabatan Bendahari untuk tindakan selanjutnya.
- b) Jawatankuasa Penerbitan Pusat Pengajian dengan bantuan Perpustakaan Sultanah Bahiyah perlu menyemak kualiti dan ketulenan jurnal yang diterima.
- c) Pusat Pengajian perlu memaklumkan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah tentang senarai jurnal yang berkualiti atau yang disenarai hitamkan untuk diambil kira semasa semakan permohonan dibuat.

5.0 TARIKH BERKUATKUASA

1 Januari 2024

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Perpustakaan Sultanah Bahiyah di talian 04-928 3644/3646/3651.

Nota:

Setiap penerbitan staf UUM wajib direkodkan di dalam *University Publication System (UPS)* oleh penulis utama (corresponding author/first UUM author) dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diterbitkan (mempunyai volum, isu, no. muka surat) dan memuat naik bukti penerbitan. Pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah tidak akan memproses permohonan pembiayaan yuran penerbitan jurnal penyelidik sekiranya mereka gagal berbuat demikian.